

21 SEP 2003

SAMBUTAN ULANG TAHUN KE-50 BN PENGHORMATAN PALING BERMAKNA UNTUK PM

KUALA LANGAT, 21 Sept (Bernama) -- Sambutan ulangtahun ke-50 Barisan Nasional (BN) di Stadium Merdeka semalam merupakan penghormatan paling bermakna kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang akan bersara bulan depan, kata Pengerusi MIC Selangor Datuk G.Palanivel, hari ini.

Berucap pada perhimpunan anggota akar umbi MIC di sini, Palanivel mengucapkan terima kasih kepada anggota parti itu dari Selangor kerana telah turun beramai-ramai untuk menyertai sambutan tersebut.

Beliau berkata, sebenarnya, MIC Selangor yang mempunyai lebih 1,000 cawangan hanya diminta menghantar 5,000 anggota ke majlis itu.

"Tapi, akhirnya lebih 14,000 anggota dari Selangor dan MIC negeri lain telah hadir," kata Palanivel, yang juga Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar.

Beliau berkata, kejayaan sambutan itu juga membuktikan sokongan rakyat kepada BN dan Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi yang akan mengambil alih teraju kepimpinan negara daripada Dr Mahathir bulan depan.

Palanivel turut menggesa cawangan MIC di Selangor yang mempunyai 145,000 anggota supaya menggerakkan seluruh jenteranya bagi menghadapi pilihan raya umum akan datang.

-- BERNAMA

AZZ AZZ SP RHM